



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BORANG PERMOHONAN TUNDA KENDERAAN BURUK

BAHAGIAN 1 : DIISI OLEH PIHAK PENGURUSAN PANGSAPURI		
NAMA KAWASAN PEMAJUAN	:	
NO. KENDERAAN	:	
JENIS KENDERAAN	:	
TARIKH CADANGAN TUNDA KENDERAAN	:	
NAMA PENGADU	:	
NO. TELEFON PENGADU	:	
TANDATANGAN	:	

BAHAGIAN 2 : DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN BAGI PERMOHONAN TUNDA KENDERAAN BURUK				
Bil.	Perkara	√ / X		Catatan
		Semakan Pangsapuri	Semakan COB	
1	Salinan Laporan Polis			
2	Salinan Semakan Pemilik Kenderaan di JPJ			
3	Salinan Notis Yang Dikeluarkan Oleh Pihak Pengurusan Pangsapuri			
4	Salinan Gambar Kenderaan Terlibat			

BAHAGIAN 3 : UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
ULASAN COB : DOKUMEN LENGKAP / TIDAK LENGKAP	ULASAN
PERAKUAN PEGAWAI UNIT COB :	PERAKUAN PEGAWAI PENGUATKUASA :
NAMA :	NAMA :
JAWATAN :	JAWATAN :
TARIKH :	TARIKH :

**potong mana yang tidak berkenaan. Pemohon dikehendaki mengemukakan sendiri borang ini ke Jabatan Penguatkuasa untuk perbincangan tarikh yang akan dipersetujui.*

GARIS PANDUAN PENUNDAAN KENDERAAN BURUK DI DALAM KAWASAN PANGSAPURI

1. Penundaan kenderaan buruk **DI DALAM KAWASAN PANGSAPURI** adalah diluar bidang kuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya dan ianya adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan pangsapuri.
2. Pihak pengurusan pangsapuri perlu membuat laporan kepada pihak polis berkenaan kenderaan buruk yang terbiar terlalu lama di dalam kawasan pangsapuri. Semakan juga perlu dibuat di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi tujuan mengenal pasti pemilik kenderaan buruk tersebut.
3. Notis peringatan hendaklah diberikan kepada pemilik kenderaan, ditampal di papan maklumat pangsapuri (notice board) dan ditampal di kenderaan bagi memaklumkan pemilik agar mengalihkan/menuntut kenderaan tersebut.
4. Sekiranya dalam tempoh **30 HARI** daripada tarikh notis dikeluarkan tiada sebarang tuntutan/tindakan daripada pemilik kenderaan buruk tersebut, pihak pengurusan pangsapuri dibenarkan untuk menunda kenderaan tersebut ke luar kawasan pangsapuri dengan memenuhi semua syarat yang ditetapkan. Kos penundaan adalah dibawah tanggungjawab pihak pengurusan pangsapuri.
5. Borang Permohonan Tunda Kenderaan Buruk perlu dihantar ke Jabatan COB bersama salinan laporan polis, JPJ dan notis peringatan **SEBELUM TINDAKAN MENUNDA** kenderaan buruk tersebut keluar dari kawasan pangsapuri.
6. Tarikh penundaan kenderaan akan ditentukan oleh Jabatan Penguatkuasa dan tarikh tersebut hendaklah dipersetujui oleh pihak pengurusan dan pihak majlis. Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menunda kenderaan yang telah dikeluarkan daripada kawasan pangsapuri tersebut di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kenderaan) Majlis Perbandaran Subang Jaya 2007.
7. Pihak pengurusan pangsapuri hendaklah menunda kenderaan tersebut ke luar kawasan pangsapuri dan meletakkannya **DI TEPI BAHU JALAN BERDEKATAN PANGSAPURI** dalam keadaan yang selamat dan **TIDAK MENGGANGGU HALANGAN LALULINTAS** atau dalam mana-mana keadaan yang difikirkan sesuai.
8. Sekiranya penundaan dibuat **TANPA KELULUSAN/PERSETUJUAN** daripada pihak majlis, pihak pengurusan pangsapuri tersebut akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan kenderaan tersebut mahupun melibatkan keselamatan orang awam yang lain.